

# Ahli Kongres AS tidak minat sokong Wan Azizah

BH 13 JUL 2001

Oleh Munaarfah  
Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis — Pertemuan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datuk Seri Wan Azizah Ismail dengan beberapa anggota Kongres Amerika Syarikat dikatakan menemui kegagalan apabila ada yang tidak berminat memberi sokongan kepadanya. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim berkata, beliau dimaklumkan kumpulan pelobi Keadilan di Amerika gagal menembusi ben-teng Senat bagi tujuan

meluaskan pengaruh mereka.

“Daripada maklum balas yang diterima, lawatan beliau (Wan Azizah) di sana tidak mendapat sambutan hebat. Malah liputan sidang akhbaranya hanya dibuat oleh lima media,” katanya kepada *Berita Harian*, hari ini.

Beliau mengulas mengenai lawatan Wan Azizah ke beberapa negara untuk memburuk-burukkan kerajaan yang didakwanya menganiaya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam satu wawancara dengan stesen televisyen satelit di Doha, Qatar pada

4 Julai lalu, Wan Azizah menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perancang kejatuhan Anwar.

Sebelum itu, Wan Azizah turut menghadiri forum Anti-ISA yang dianjurkan bersama Amnesty International dan Amnesty cawangan Malaysia di London yang mana ahli panelnya terdiri dari Pengasas dan Pegawai Eksekutif Malaysiakini.com, Premesh Chandran serta ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Hatta Ramli.

Beliau juga berada di Amerika Syarikat sebagai penceramah di persida-

ngan Islamic Society of North America (ISNA) di Indianapolis. Di sana, Wan Azizah mengadakan pertemuan dengan Presiden Bank Dunia, Jim Wolfensohn dan beberapa anggota Kongres Amerika.

Dr Rais berkata, tindakan Wan Azizah menggunakan platform antara-bangsa bagi meraih simpati terhadap Anwar itu jelas membuktikan Keadilan semakin terdesak.

Beliau berkata, kerajaan memantau kegiatan antike-rajaaan yang dilakukan oleh parti pembangkang serta badan bukan kerajaan (NGO) di luar negara.